

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SEPITANG]**

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sepitang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah penguatkuasaan yang dilaksanakan untuk mengesan peniaga yang tidak beretika, jumlah kes dibawa ke mahkamah dan hasil kompaun yang diperolehi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah dan akan terus mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga yang tidak beretika dengan melaksanakan langkah-langkah berikut :-

- i) menjalankan pemeriksaan dan pemantauan setiap hari, berjadual, secara statik dan mengejut;
- ii) melalui risikan dan penyamaran;
- iii) membuat *test purchase*;
- iv) pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan;
- v) melaksanakan *Smart Enforcement*;
- vi) melancar dan melaksanakan Operasi untuk tempoh tertentu atau secara berterusan;
- vii) mengarah peniaga membuat pengisytiharan ke atas stok barang melalui penyata stok;
- viii) mengarahkan peniaga mengemukakan alasan melalui notis seksyen 21 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011; dan
- ix) mengeluarkan Garis Panduan Mekanisme Margin Keuntungan Bersih dan Penandaan Harga Dalam Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan kepada

peniaga sebagai panduan dan mendidik peniaga mematuhi perundangan dan peraturan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 353 kes telah berjaya dibawa ke mahkamah dengan kutipan denda berjumlah RM3,868,300 / (RM 3.8 Juta). Manakala sebanyak 7,168 kes telah dikompaun dengan kutipan berjumlah RM 2,067,200 / (RM 2.06 Juta).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK RAIME BIN
UNGGI [TENOM]**

SOALAN : 149

YB Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pemilih baru yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi tahun 2013 sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Pertama Tahun 2016 dan berapa jumlah pemilih baru di negeri Sabah bagi tempoh yang sama.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sejak tahun 2013 sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Keempat Tahun 2015 (ST 4/2015) adalah sebanyak 617,254 orang. Bagi negeri Sabah pula, jumlah pemilih baru berdaftar bagi tempoh yang sama adalah seramai 36,880 orang.

Walau bagaimanapun, maklumat pendaftaran pemilih bagi Daftar Pemilih Suku Tahun Pertama Tahun 2016 (ST 1/2016) tidak dapat disediakan memandangkan ia masih lagi dalam tempoh urusan aktiviti pendaftaran (bulan Januari hingga Mac 2016) dan belum disahkan bagi tujuan pewartaan.

Sekian. Terima kasih.